

The Struggle of Rashid Rida in Pan-Islamism Movement

Perjuangan Rashid Rida dalam Gagasan Pan-Islamisme

Siti Nurul Izza Hashim
applemerah8807@gmail.com
Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam

Ermy Azziaty Rozali
ermy@ukm.my
Institut Kajian Rantau Asia Barat/
Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Article received on 31 January 2013; Article published online on 30 April 2013.

Abstract

Rashid Rida was a prominent Muslim reformer at the end of the 19th century and early 20th century. His struggle in the Pan-Islamism movement and the institution of the Caliphate was to defend and liberate the Muslims from Western colonialism. This article put forth the general struggle Rashid Rida against Western colonialism. This article also discusses briefly the history of the idea of Pan-Islamism and the institution of caliphate. This study which used the content analysis, and historical methods showed that Rashid Rida had exceptional qualities with the publication of his work, entitled *Tafsir al-Manar* which is based on the Quran. This work had a profound impact on the intellectual development among local scholars, especially of Young People. The importance of this study is particularly relevant because the stature and influence of his thought, has spread throughout the Islamic world as well as a significant impact in many areas, particularly in politics.

Keywords: *Rashid Rida, Abdul Hamid II, Pan-Islamism, Institution of Caliphate, dawlah Uthmaniyyah*

Abstrak

Rashid Rida merupakan seorang reformis Islam yang terkenal pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Perjuangan beliau dalam gagasan Pan-Islamisme dan institusi khilafah ternyata membuktikan usahanya dalam mempertahankan dan membebaskan diri daripada penjajahan Barat. Artikel ini menghuraikan secara umum perjuangan Rashid Rida dalam usaha menentang penjajahan Barat. Di samping itu, ia juga membincangkan mengenai `sejarah penubuhan gagasan Pan-Islamisme dan institusi khilafah. Kajian untuk artikel ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi instrumen analisa kandungan, ulasan literatur dan kajian sejarah. Hasil kajian menunjukkan bahawa ketokohan Rashid Rida terbukti dengan penghasilan karya beliau yang bertajuk *Tafsir al-Manar* yang berlandaskan al-Quran. Karya tersebut telah memberikan impak yang besar kepada perkembangan intelektual dalam kalangan ulama tempatan, khususnya Kaum Muda. Kepentingan kajian ini adalah amat relevan kerana ketokohan dan pengaruh pemikiran beliau tersebar luas ke seluruh dunia Islam serta meninggalkan kesan yang besar dalam pelbagai bidang, khususnya bidang politik.

Kata Kunci: *Rashid Rida, Abdul Hamid II, Pan-Islamisme, Institusi Khilafah, dawlah Uthmaniyah*

1 Pendahuluan

Selepas kejatuhan dawlah Uthmaniyyah pada tahun 1924M dan kebanyakan negara Islam dijahah pada awal abad ke-20M, usaha dakwah tidaklah dilakukan dengan sempurna oleh sesetengah pemerintah Islam akibat daripada kesan penjajahan Barat. Bahkan, mereka dijadikan sebagai boneka kepada penjajah. Namun demikian, peranan dakwah diambil oleh para ulama yang berperanan sebagai para *mujaddid* yang dijelmakan dalam gerakan islah atau *tajdid* (Ahmad Zaki 2006: 3).

Tambahan pula, para ulama, pemikir dan Sultan muncul untuk menyeru kepada penyatuan umat Islam. Usaha mereka adalah untuk merealisasikan semangat ukhwah Islamiah dan kebangkitan peradaban supaya umat Islam dapat mengekalkan keaslian, kehebatan dan kekuatan. Oleh yang demikian, Pan-Islamisme diperkenalkan untuk meneguhkan ikatan pemikiran dan kerohanian dalam kalangan umat Islam di seluruh pelusuk dunia. Para ulama dan reformis bersepakat mengatakan khalifah bukan hanya menjadi kekuatan kerohanian umat Islam sahaja, tetapi dia hendaklah mempunyai hubungan yang teguh dengan konsep negara, bertitik tolak daripada kenyataan Islam, iaitu satu sistem yang bersepada daripada aspek agama, politik, sosial, ekonomi dan undang-undang (Eeman 2002: 677).

Gagasan Pan-Islamisme ini telah mendapat sokongan dan bantuan daripada para ulama dan reformis yang menggunakan pelbagai kemudahan demi merealisasikan rancangan yang penting ini. Rashid Rida merupakan seorang reformis Islam yang terkenal pada akhir abad ke-19M dan awal abad ke-20M. Hasil pendidikan dan pengalaman dalam pelbagai bidang ilmu yang dipelajarinya telah membentuk sikap dan pemikirannya yang tersendiri, khususnya dalam pemikiran politik. Oleh yang demikian, kajian ini akan membincangkan tentang perjuangan beliau dalam gagasan Pan-Islamisme dan institusi khilafah dalam usaha menentang penjajahan Barat.

2 Biografi Ringkas Rashid Rida

Nama sebenar beliau ialah Muhammad Rashid bin Ali Rida bin Muhammad Shams al-Din bin Muhammad Baha al-Din bin Munla Ali Khalifah. Beliau dilahirkan di Qalamun, iaitu sebuah kampung berhampiran Tripoli, Syria pada Jamad al-Awwal 1282/September 1865 (Adam 1968: 177). Selain itu, beliau mendapat pendidikan awal di kuttab, Qalamun. Pada tahun 1879, bapanya menghantar beliau ke Madrasah Wataniyyah yang diasaskan oleh Sheikh Husain Jisr (1845-1909), iaitu seorang ulama tempatan yang terkenal. Justeru itu, beliau membina kemahiran diri dengan ilmu pengetahuan serta pemikiran yang tajam sehingga sesetengah pemikirannya berbeza dengan gurunya.

Dalam kehidupan berkeluarga, Rashid Rida berkahwin sebanyak tiga kali. Perkahwinan pertama dan kedua tidak berkekalan. Manakala perkahwinan ketiga berlangsung pada 26 Mac 1913M dengan Su'ad anak kepada Syaikh Hasan al-Safdi, iaitu seorang ulama Tarablus pada masa itu. Di samping itu, perkahwinan dengan Su'ad yang juga dikenali dengan gelaran Umm Syafi' berkekalan sehingga ke akhir hayat dan dikurniakan lima orang cahaya mata, iaitu tiga orang lelaki dan dua orang perempuan (Mustaffa 2009: 3-4).

Rashid Rida mempelajari pelbagai ilmu seperti tauhid, fiqh, mantik, matematik dan sains tabi'e. Di samping itu, beliau turut mempelajari ilmu bahasa seperti bahasa Arab, bahasa Turki dan

bahasa Perancis. Rashid Rida turut menceburi diri dalam bidang penulisan . Beliau dibimbing dan dibantu oleh gurunya, bahkan membawa Rashid Rida berjumpa dengan rakan-rakannya yang mahir dalam bidang penulisan (Shahin 1994: 4-5). Pembentukan idealisme Rashid Rida dipengaruhi oleh pemikiran Imam Abu Hamid al-Ghazali menerusi karya beliau yang berjudul *Ihya' Ulum al-Din*. Rashid Rida tertarik dengan konsep tasawuf yang terdapat dalam kitab tersebut yang menyentuh mengenai konsep zuhud, tawaduk' dan qana'ah. Seterusnya, beliau menganggotai tarekat Naqshabandiyah, iaitu tarekat yang berkembang baik pada waktu itu (Badawi 1976: 97).

Menjelang akhir abad ke-19M, berlaku gerakan islah di Mesir yang dipelopori oleh Jamal-al-Din al-Afghani dan Muhammad Abduh. Mereka menerbitkan majalah *al-Urwat al-Wuthqa*, untuk menyebarkan idea islah yang menjadi gagasan majalah tersebut. Majalah tersebut menyentuh perasaan Rashid Rida sehingga menimbulkan keinginan untuk berjumpa dengan Jamal-al-Din al-Afghani. Oleh yang demikian, pada tahun 1893, Rashid Rida menulis surat kepada Jamal-al-Din al-Afghani untuk menjadi murid dan menyertai perjuangannya. Namun begitu, hasrat Rashid Rida tidak kesampaian kerana pada tahun 1897, tokoh sanjungannya itu meninggal dunia akibat daripada kemalangan kereta (Badawi 1976: 98 ; Eeman 2002: 915).

Pada tahun 1897-1898, Rashid Rida meninggalkan Syria dan pergi ke Mesir untuk bekerjasama bersama Muhammad Abduh dalam menyebarkan dakwah Islamiyah. Tambahan pula, hasrat untuk bergabung dengan Muhammad Abduh telah lama dinantikan oleh beliau. Pertama kali berjumpa dengan Muhammad Abduh ketika gurunya itu berkunjung ke Syria kerana menjalani hukuman buang daerah oleh pemerintah Mesir. Hal ini kerana, beliau dituduh menentang pemerintahan pro-British. Gabungan Muhammad Abduh dengan Rashid Rida menyemarakkan lagi dakwah dan kebangkitan Islam di Mesir sehingga terbitnya majalah *al-Manar* pada Mac 1898 (Adam 1968: 179; Shahin 1994: 8).

3 Hasil Karya

Hasil karya yang dihasilkan oleh Rashid Rida adalah berkaitan dengan pelbagai bidang ilmu. Karya tersebut memberi banyak faedah kepada umat Islam. Selain itu, karya -karya beliau membincangkan pelbagai tema dan persoalan yang bersifat menyeluruh seperti agama, politik, masyarakat, ekonomi, bahasa, sastera dan sejarah. Di samping itu, penulisan karya beliau adalah refleksi daripada pemikiran islah dan tajdid yang sebatی dalam dirinya. Tambahan pula, karya tersebut menjadi wahana dakwah kepada masyarakat Islam sepanjang zaman.

Karya beliau mengenai akidah dapat dilihat menerusi tulisannya seperti *al-Sunnah wa al-Syi`ah* dan *Risalah al-Tawhid*. Persoalan fiqh dibincangkan dalam karya *Manasik al-Hajj* dan *Haqiqah al-Riba*. Manakala politik pula dibincangkan dalam *al-wahhabiyun wa al-Hijaz* dan *al-Khalifah wa al-Imamah* dan karya sejarah dapat dilihat melalui *Tarikh al-Ustadh al-Imam al-Syeikh Muhammad Abduh*. Selain itu, persoalan berkaitan dengan tafsir dibincangkan menerusi *Tafsir al-Quran al-Karim* atau lebih dikenali dengan *Tafsir al-Manar*.

Beliau juga menerbitkan majalah *al-Manar* yang banyak membincangkan tentang persoalan pembaharuan Islam. Majalah ini mempunyai nilai ilmu yang tinggi, malah ulasan di dalam majalah tersebut juga menggambarkan keintellectualan Rasyid Rida yang luas dalam pelbagai bidang. Majalah ini dicetak dan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan Arab Saudi dan diedarkan kepada para pelajar sekolah di Arab Saudi. Kebanyakan hasil karya Rasyid Rida dicetak di Matba`ah al-

Manar yang merupakan antara pusat percetakan terpenting di Mesir dan dunia Islam ketika itu (Mustaffa 2004: 85-87).

Karya-karya Rashid Rida secara umumnya dibahagikan kepada tiga kategori (Rashid 1988: 182). Antara kategori berikut ialah:

- i) Karya asli, iaitu dihasilkan oleh beliau sendiri: majalah *al-Manar* (1898M-1935M), *al-Wahy al-Muhammadi* (1935M), *al-Manar wa al-Azhar* (1933M), *'Aqidah al-Salib* (1912), *Tafsir al-Manar* (1926) dan *al-Khilafah wa al-Imamah al-'Uzma* (1922)
- ii) Karya berbentuk ulasan daripada penulis lain, iaitu membuat beberapa penambahan dan membetulkan kesilapan tatabahasa: *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il al-Najdiyyah*, *Majmu'ah al-Tawhid al-Najdiyyah*, *Asrar al-Balaghah fi 'Ilm Bayan* karya 'Abd al-Qahir al-Jurjani dan kitab *al-Risalah al-Sunniyyah fi al-Salat Wama Yalzimu Fiha* karya Muhammad bin Hanbal.
- iii) Karya berbentuk risalah ringkas: *Tarjumah al-Quran wama fiha min al-Mafasid wa Munafat li al-Islam* (1929), *Khulasah al-Sirah al-Muhammadiyyah wa Haqiqah al-Dawah al-Islamiyyah* (1946), *Fatwiyyan min Fatawa al-Manar al-Islahiyyah* (1921), dan *al-Muslimin wa al-Qibt wa al-Mu'tamar al-Misri* (1911).

Secara keseluruhannya, penulis mendapati bahawa kebanyakan hasil karya Rashid Rida dicetak di Matba'ah al-Manar. Tambahan pula, Matba'ah al-Manar merupakan antara pusat percetakan yang terpenting di Mesir dan dunia Islam ketika itu. Selain itu, ia juga berperanan menerbitkan buku-buku yang berorientasikan salaf ke arah membimbing masyarakat memahami ajaran Islam. Di samping itu, hasil karya Rashid Rida membawa perubahan hasil apabila ramai dalam kalangan ilmuan Islam melabelkan beliau sebagai salah seorang tokoh reformis yang terkenal.

4 Gagasan Pan-Islamisme

Menurut Eeman Mohamed Abbas (2002), permulaan seruan ke arah Pan-Islamisme ini sebenarnya dipelopori oleh ramai dari kalangan ulama, sultan dan tokoh-tokoh umat Islam, sama ada dari Timur, Barat, Utara dan Selatan. Sultan Abdul Aziz (1861-1876), merupakan sultan yang terawal menyatakan pentingnya Pan-Islamisme. Baginda melakukan lawatan ke Eropah pada tahun 1867 dan mengenal pasti rancangan negara Eropah yang berhasrat menjatuhkan dawlah Uthmaniyyah. Pada pertengahan abad ke-19, Sultan Abdul Aziz mengisytiharkan dirinya sebagai khalifah kepada seluruh umat Islam (Eeman 2002: 680; Ermy 2010: 289).

Meskipun, dawlah Uthmaniyyah melalui suasana politik yang sukar, namun Sultan Abdul Aziz tetap meneruskan rancangannya untuk menyeru ke arah Pan-Islamisme dengan melakukan beberapa langkah, iaitu pengisytiharan Tunisia sebagai sebuah wilayah dawlah Uthmaniyyah pada tahun 1868M untuk memelihara dan menjaganya daripada menjadi mangsa penjajahan Perancis. Baginda juga melakukan lawatan ke Mesir bagi mengeratkan hubungan. Hal ini kerana, Mesir merupakan wilayah dawlah Uthmaniyyah yang terpenting (Ibrahim 1988: 219).

Di samping itu, baginda turut mengadakan pelbagai pembaharuan dalam aspek ketenteraan, pembangunan dan pembinaan di seluruh negara. Baginda juga memberikan perlindungan dan

bantuan kepada masyarakat Circassian yang jumlah mereka mencapai beberapa ratus ribu buah keluarga yang mencari perlindungan dawlah Uthmaniyah. Peristiwa ini berlaku pada 1864M. Pada 3 Jun 1876M, baginda telah dibunuh dalam pemberontakan (Eeman 2002: 681-682).

Seterusnya, idea Pan-Islamisme ini diteruskan oleh Sultan ‘Abdul Hamid II. Beliau mempergunakan segala kemahiran dan kebijaksanannya untuk merealisasikan matlamat, iaitu penyatuan umat Islam. Tambahan pula, beliau yakin bahawa penyatuan umat Islam mampu menghadapi serangan negara-negara Salibiyyah dan gerakan-gerakan perkauman yang mengancam keselamatan dan kestabilan dawlah Uthmaniyah (Eeman 2002: 689). Sultan Abdul Hamid II juga menekankan peranan sultan dawlah Uthmaniyah sebagai khalifah umat Islam. Hal ini kerana, inti pati idea Pan Islamisme ialah menyeru kepada kesetiaan dan kesatuan umat Islam di bawah sultan dawlah Uthmaniyah, adalah selari dengan kedudukan mereka sebagai khalifah yang berperanan sebagai pemimpin dalam menggerakkan kerjasama umat Islam (al-Shawabikhah 1989: 271).

Selain itu, Sultan ‘Abdul Hamid berpendapat bahawa gagasan Pan-Islamisme merupakan satu wasilah dalam menyatukan seluruh umat Islam. Hal ini terbukti apabila dawlah Uthmaniyah tidak lagi kehilangan wilayahnya, sebagaimana kehilangan wilayah Afrika Utara kerana suasana politik dalaman dan luaran yang kritikal selepas beliau mengisytiharkan gagasan Pan-Islamisme. Beliau berusaha untuk mengekalkan wilayah-wilayah Arab di bawah kekuasaan dan pemerintahan dawlah Uthmaniyah. Bukan itu sahaja, di bawah pemerintahan Sultan ‘Abdul Hamid, dawlah Uthmaniyah mendapat tempat yang istimewa dalam perjanjian Terusan Suez sebagai sebuah negara Islam yang terbesar dan mempunyai kedaulatan terhadap Mesir serta dunia Islam lain. Kejayaan ini dicapai melalui gagasan Pan-Islamisme dan kepintaran berpolitik beliau yang tinggi (Edwin 1973: 34-38).

Sultan Abdul Hamid memiliki ketokohan berpolitik yang tinggi. Hal ini terbukti apabila baginda mampu menggerakkan seluruh lapisan masyarakat yang terdiri dalam kalangan ulama, reformis, dan pembesar dari pelbagai kaum, negeri dan aliran yang berbeza. Baginda memanggil sebahagian besar daripada mereka ke ibu negara untuk berbincang dan berdialog dengan baginda bagi mempelopori gerakan Pan-Islamisme. Selain itu, baginda pernah mengutus beberapa orang utusan kepada para pemimpin gerakan masyarakat di seluruh dunia Islam, seperti gerakan al-Sanusiy bagi membuat perjanjian demi menjayakan Pan-Islamisme. Bahkan, baginda menjadikan Pan-Islamisme sebagai paksi perhimpunan, kesatuan dan kekuatan umat Islam (Eeman 2002: 709-710).

Di samping kejayaan yang dicapai oleh Sultan Abdul Hamid dalam gagasan idea Pan-Islamisme, maka polisi ini turut disokong oleh Rashid Rida. Rashid Rida menyeru agar dawlah Uthmaniyah sentiasa dipelihara keselamatan dan kedudukannya. Beliau juga menegaskan bahawa masyarakat dawlah Uthmaniyah mempunyai pelbagai agama dan bahasa. Selain itu, beliau menolak aliran Eropah yang menjadikan bahasa sebagai paksi kewarganegaraan. Bukan itu sahaja, beliau mempunyai pandangan yang sama alirannya dengan apa yang diserukan oleh Sultan Abdul Hamid, iaitu menghimpunkan umat Islam di seluruh dunia dengan berpaksikan kepada peribadi sultan yang menjadi khilafah bagi menghadapi cabaran-cabaran daripada perancangan pihak Barat yang dihadapi oleh dawlah Uthmaniyah dan umat Islam (Eeman 2002: 907-908).

Rashid Rida juga memuji projek landasan keret api di al-Hijaz dan menganggapnya sebagai tanda kejayaan dawlah Uthmaniyah dalam melaksanakan projek-projek terbesar tanpa mendapatkan

bantuan daripada negara-negara asing. Hal ini menyebabkan beliau beranggapan bahawa Sultan Abdul Hamid adalah seorang yang berpandangan jauh dan mempunyai keazaman yang tinggi. Selain itu, projek tersebut telah membuktikan bahawa umat Islam masih berada dalam keadaan kebaikan kerana sumbangan yang mereka berikan dalam aspek moral dan material. Bahkan, beliau berpendapat bahawa sumbangan yang diberikan itu menjadi tanda keredaan Allah dan RasulNya (Rashid 1931: 908).

Pada tahun 1906M, iaitu selepas kematian Muhammad Abduh, tulisan Rashid Rida berkenaan suasana politik di seluruh dunia Islam mula mengalami perubahan. Beliau menyeru tentang keperluan negara dan kerajaan untuk melakukan pembaharuan yang menyeluruh. Justeru, beliau beranggapan bahawa sultan tidak sepatusnya cenderung untuk mengumpulkan segala kekuasaan pada tangannya. Bahkan, sultan mestilah mewujudkan satu sistem syura yang akan membantu baginda mentadbir negara. Bukan itu sahaja, Rashid Rida juga menyeru agar kekuasaan dibahagikan kepada individu-individu yang mampu dan beramanah. Sultan terus bertindak sebagai ketua yang memerhati dan memantau segala perjalanan pentadbiran negara (Muhammad 1986: 93-95).

5 Institusi Khilafah

Menurut al-Khalidi (1984), khilafah merupakan sebuah institusi pemerintahan yang menaungi umat Islam. Selain itu, institusi khilafah ini diwakili oleh seorang ketua agama yang memakai gelaran sebagai khalifah. Beliau turut menegaskan bahawa khilafah juga bermaksud al-Dawlah al-Islamiyyah atau negara Islam (al-Khalidi 1984: 22). Manakala Ibn Khaldun (2002), mendefinisikan khilafah sebagai penggantian dan khalifah bermaksud pengganti. Di samping itu, beliau berpendapat bahawa jawatan khalifah itu adalah pengganti Rasulullah SAW dalam meneruskan tugas-tugas baginda (Ibn Khaldun 2002: 199).

Walau bagaimanapun, wujud definisi khilafah yang pelbagai dalam kalangan sarjana Islam. Khilafah merupakan satu istilah yang merujuk kepada sebuah pemerintahan Islam yang berdiri dalamnya sebuah negara Islam yang mempunyai hak-hak, tanggungjawab dan pengisianya berpaksikan kepada ketauhidan kepada Allah. Oleh yang demikian, al-Mawdudi menggariskan lima prinsip asas kenegaraan dalam Islam, iaitu mengiktiraf kedaulatan Allah sebagai kuasa tertinggi, kepatuhan dan kesetiaan kepada suruhan Rasul, kepatuhan kepada pemerintah, menerima al-Quran dan al-Sunnah sebagai kuasa tertinggi serta mempertahankan hak asasi manusia (al-Mawdudi 1977: 171).

Menurut Eeman & Ummu (2009) berpendapat bahawa sistem khilafah adalah satu bentuk pemerintahan yang perlu dan ia boleh ditemui dalam sejarah politik Islam. Beliau juga menegaskan bahawa sejarah mencatatkan sistem khilafah berperanan mengendalikan hal ehwal umat Islam dunia dan akhirat berlandaskan prinsip syariat Islam. Di samping itu, sistem khilafah adalah sebuah institusi ketamadunan manusia yang lengkap, bersepadan dan berperanan penting dalam masyarakat tempatan serta antarabangsa.

Selepas kejatuhan Baghdad pada tahun 1258M, dunia Islam ketika itu tidak mempunyai seorang khalifah. Walaupun wujud ketika itu ketua kerajaan Mamluk yang memerintah Mesir atas nama Khalifah Abbasiyah lebih 250 tahun lamanya, namun secara praktikalnya, khalifah tersebut tidak mempunyai peranan yang jelas. Tambahan pula, kerajaan Mamluk tidak mampu menentang

penjajahan Barat. Berikutan dawlah Uthmaniyyah menang di Syam dan Mesir, khalifah Abbasiyah telah menyerahkan gelaran khalifah kepada pemimpin dawlah Uthmaniyyah iaitu Sultan Salim I pada tahun 1517M (Eeman & Ummu 2009: 140-145).

Pembukaan wilayah yang dipimpin oleh Sultan Salim I menjadikan baginda pemerintah Islam yang berkuasa ketika itu. Ini mendorong umat Islam di wilayah-wilayah lain di dunia termasuk wilayah Arab menginginkan bantuan dawlah Uthmaniyyah untuk membebaskan diri daripada penjajahan Barat. Oleh yang demikian, dunia Islam memandang tinggi dawlah Uthmaniyyah dan menganggapnya sebagai pemelihara Makkah, Madinah serta seluruh dunia Islam. Di samping itu, tokoh pelopor nasionalis Arab, iaitu Sathi' al-Hasri menyifatkan dawlah Uthmaniyyah sebagai sebuah negara Islam sebenar, iaitu pemerintah dan rakyat kuat berpegang kepada ajaran Islam serta jauh dari fahaman nasionalis Turki (al-Hasri 1956: 139).

Namun begitu, kerajaan ini berakhir pada tahun 1924, apabila Kemal memansuhkan Institusi khilafah dan menu buhkan Republik Turki. Era pemerintahan Kemal memperlihatkan sikap beliau yang berpandangan bebas dan kritikal berhubung agama. Setelah beberapa abad dawlah Uthamaniyyah mengalami era pembaharuan yang mengikut cara Barat, jawatan Khalifah juga turut menerima kesannya apabila dianggap sudah tidak relevan dengan perkembangan yang berlaku. Kemal menganggap bahawa institusi khilafah akan menggugat keselamatan, usaha untuk mencapai keharmonian dan kemajuan. Beliau juga menegaskan bahawa institusi khilafah dilihat sebagai saingan kepada sistem republik Turki. di samping itu, beliau yakin pihak penjajah akan memanipulasi umat Islam jika institusi khilafah tidak dibubarkan (Kinross 1965: 364 & 438). Oleh yang demikian, Kemal mengambil keputusan untuk membubarkan institusi khilafah menjelang perjanjian Lausanne (Davison 1968: 124-125).

Secara keseluruhannya, pembubaran institusi khilafah oleh Kemal memberikan kesan politik yang mendalam terhadap dunia Islam. Oleh itu, para reformis Islam bangkit untuk memperjuangkan dan berusaha bagi mengembalikan sistem khilafah. Antara reformis Islam tersebut ialah Rashid Rida. Beliau berusaha untuk mengembalikan sistem tersebut melalui pemikiran beliau terhadap gagasan Pan-Islamisme dan institusi khilafah. Selain itu, pemikiran beliau mengenai pembubaran tersebut dibincangkan dalam karya-karya penulisan beliau, khususnya *Tafsir al-Manar*.

6 Perjuangan Rashid Rida dalam gagasan Pan-Islamisme dan Institusi Khilafah

Perjuangan Rashid Rida dalam gagasan Pan-Islamisme dan institusi khilafah menerima pengaruh daripada pemikiran al-Afghani dan refleksi daripada pengajaran syeikh Muhammad Abduh yang banyak mengemukakan idea pembaharuan Islam terutama dalam aspek politik. Di samping itu, perjuangan beliau turut dipengaruhi oleh suasana politik di negara-negara Arab, khususnya Mesir yang pernah berada di bawah penjajahan Barat (Mustaffa 2009: 148). Hal ini kerana Pan-Islamisme dilihat sebagai satu jalan penyelesaian kepada masalah nasionalisme, iaitu membebaskan negara daripada penjajahan Barat (Willis 2010: 712). Oleh yang demikian, ini mencambahkan lagi pemikiran beliau dalam aspek politik.

Pan-Islamisme yang diperjuangkan oleh Rashid Rida adalah berasaskan sistem khilafah (Rashid 1994: 13). Rashid Rida berpendapat bahawa Pan-Islamisme yang diperkenalkan oleh Sultan Abdul Hamid II merupakan satu fahaman yang bertujuan untuk menyatupadukan seluruh

umat Islam di dunia (Willis 2010: 712). Sistem ini diperkuatkan lagi dengan prinsip persaudaraan Islam yang menghapuskan ikatan perkauman dan menyusun kesatuan seluruh umat Islam memandangkan umat Islam bersatu di bawah sistem moral, pendidikan dan undang-undang yang sama. Tambahan pula, Pan-Islamisme yang dianjurkan oleh beliau adalah berbentuk kekhilafahan dengan ketua negaranya adalah khalifah (Mustaffa 2009: 149).

Rashid Rida merupakan orang yang bertanggungjawab untuk meneruskan gerakan Pan-Islamisme yang dicetuskan oleh al-Afghani. Beliau bersama gurunya, iaitu Muhammad Abduh berusaha untuk mengembalikan sistem khilafah dengan menerbitkan majalah *al-Manar*. Tujuan majalah tersebut diterbitkan adalah untuk menyebarkan Islam kepada masyarakat dan menyeru mereka supaya bersatu menentang kuasa Barat. Kemudian, tujuan majalah tersebut telah bertukar kepada aspek politik yang lebih global dengan menyentuh isu-isu semasa umat Islam. Di samping itu, pemikiran tokoh-tokoh politik semasa seperti Abd al-Rahman al-Kawakibi dan Shakib al-Arsalan dibincangkan dalam majalah tersebut (Farid 2009: 102).

Berikutnya revolusi Turki Muda pada tahun 1908, Rashid Rida yang berada di Istanbul kembali ke Syria. Beliau mengadakan kempen menyeru penyatuan antara Arab dan Turki dalam usaha mengukuhkan dawlah Uthmaniyyah. Pada tahun 1909, Rashid Rida kembali di Istanbul untuk menujuhkan madrasah al-Da'wah wa al-Irshad dan mengukuhkan ikatan persaudaraan antara Arab dengan Turki yang ketika itu mengalami perpecahan. Keadaan ini berlaku selepas kejatuhan Sultan Abdul Hamid II dan kenaikan pemerintahan Turki Muda (*Young Turk*). Selain itu, ia juga dikenali sebagai kumpulan *al-Ittihad wa al-Taraqqi* atau *Committee of Union and Progress* (CUP). Kumpulan ini menganjurkan gagasan Pan-Turanisme, iaitu penyatuan Turki. Oleh yang demikian, hubungan persaudaraan antara Islam yang terjalin tanpa mengira bangsa menjadi renggang. Namun begitu, usaha Rashid Rida untuk memulihkan keadaan tidak mendapat sambutan (Tauber 1998: 261).

Walau bagaimanapun, pendirian Rashid Rida berubah selepas Turki Muda menyingkirkan Sultan Abdul Hamid II pada tahun 1909M. Beliau menyambut baik rampasan kuasa yang berlaku demi melakukan pembaharuan dawlah Uthmaniyyah dan menjamin hak seluruh rakyat dalam negara. Selain itu, beliau menyerang Sultan Abdul Hamid II dan mengkritik polisi-polisi baginda, seolah-olah beliau tidak pernah menyokong serta mempertahankan baginda. Bukan itu sahaja, Rashid Rida mengisyiharkan pendiriannya yang jelas menentang dan memusuhi orang Turki dan khilafah yang dipelopori oleh Turki Muda. Bahkan, beliau turut mengkritik orang Arab yang membantu orang Turki untuk mengembalikan kemegahan mereka. Hal ini kerana, beliau beranggapan bahawa orang Turki tidak mempunyai kelebihan terhadap orang Arab sepanjang sejarah pemerintahan mereka dan tindakan mereka yang berbentuk perkauman amat bertentangan dengan kepentingan orang Arab (Eeman 2002: 911).

Pada tahun 1910M, Rashid Rida begitu kecewa dan marah dengan tindakan Turki Muda. Beliau berpendapat bahawa kumpulan tersebut mempermainkannya. Justeru itu, beliau tidak boleh memaafkan perbuatan tersebut dan menyatakan bangsa Turki tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan kejatuhan sistem khilafah. Rashid Rida merupakan orang yang bertanggungjawab memperjuangkan sistem tersebut ketika ia berada dalam keadaan terumbang-ambing. Tambahan pula, beliau berpendapat bahawa sistem khilafah merupakan simbol kedaulatan dan kekuatan bagi umat Islam. Beliau berusaha mengembalikan sistem tersebut supaya umat Islam tidak ditindas dan

dihina oleh penjajah Barat. Hal ini kerana, kejatuhan khilafah Islamiyah merupakan fitnah terbesar bagi umat Islam di muka bumi ini (Rashid Rida 1994: 13).

Rashid Rida tidak lagi menaruh harapan untuk memulihkan sistem khilafah di Istanbul. Beliau memilih Makkah sebagai tempat baru untuk memulihkan sistem tersebut (Safran 1961: 78). Pada masa ini, beliau bergerak melalui dua tahap, iaitu secara terbuka dan rahsia. Justeru, beliau telah menggerakkan aktiviti pertubuhan al-Da'wah wa al-Irshad secara terbuka dan menu buhukan Jami'iyyat al-Jami'ah al-Arabiyyah secara rahsia. Tujuan Jami'iyyat al-Jami'ah al-Arabiyyah ditubuhkan adalah untuk menyatukan amir-amir di Semenanjung Tanah Arab, menjalin kerjasama antara Arab untuk membangunkan wilayah mereka dan menjalinkan hubungan serta kerjasama seluruh umat Islam di Syria, Iraq dan Istanbul untuk melawan gerakan CUP.

Selain itu, Rashid Rida memujuk dan berunding dengan Ibn Saud, iaitu pemerintah Najd untuk menyatukan orang Arab. Beliau juga menghantar wakil untuk berjumpa dengan Imam Yahya, iaitu pemerintah Yaman dan Sayyid Idrisi, iaitu pemimpin Asir. Kedua-dua pemerintah ini menyambut baik rancangan Rashid Rida. Namun begitu, Ibn Saud meminta Rashid Rida menghantar wakil untuk menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai rancangan beliau dari sudut dakwah dan politik supaya memudahkan Ibn Saud menarik sokongan pengikutnya. Rashid Rida menghantar utusan bersama dengan sejumlah buku. Walau bagaimanapun, utusan tersebut tidak sampai dan buku-buku tersebut telah dirampas semasa meletusnya Perang Dunia Pertama (Tauber 1998: 262).

Seterusnya, Rashid Rida menyusun rancangan dengan mengadakan persidangan yang lebih kerap setelah berakhirnya Perang Dunia Pertama ke atas umat Islam. Risalah-risalah disebarluaskan kepada seluruh umat Islam khususnya pada musim haji bagi menyatakan keperluan menghidupkan kembali institusi khilafah. Beliau juga mengambil kesempatan semasa musim haji untuk berjumpa dengan para pemimpin Arab seperti Hijaz, Asir, Yaman dan Najd. Tujuannya adalah untuk membentuk majlis persefahaman (majlis al-Hilf) dan bersetuju untuk melantik Sharif Husayn sebagai ketua dalam pakatan tersebut. Walau bagaimanapun, rancangan ini berjaya kerana berlaku konflik antara Sharif Husayn dengan Rashid Rida serta berlaku perebutan kuasa dengan pihak Najd (Tauber 1998: 266).

Kemarahan Rashid Rida semakin membara ketika Kemal Ataturk mengisytiharkan pemansuhan khilafah pada tahun 1924M. Beliau menganggap dawlah Uthmaniyyah selepas pemansuhan khilafah sebagai sebuah negara bukan agama dan lebih zalim daripada pemerintahan Sultan Abdul Hamid II. Sebelum Perang Dunia Pertama, sikapnya terhadap Inggeris mula berubah. Beliau menjadi seperti gurunya, iaitu Muhammad Abduh yang berdamai dan mempunyai hubungan yang baik dengan pihak Inggeris. Bahkan, beliau menyifatkan bangsa Inggeris sebagai penjajah yang cerdik dan lebih menggunakan akal daripada kekuatan yang ada pada mereka. Oleh kerana itu, mereka boleh memerintah pelbagai kabilah dan bangsa. Mereka juga tidak menyekat jika bangsa yang dijajah untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang pendidikan (Eeman 2002: 913). Kita dapatkan pendirian-pendirian Rashid Rida saling bercanggah dan cepat berubah terhadap isu-isu yang dihadapinya. Ini kerana, beliau mahu memelihara keselamatan dan kesatuan bangsa-bangsa yang berada di dalam kekuasaan dawlah Uthmaniyyah (al-Shawabikhah 1989: 190-192).

Pada tahun 1926, satu persidangan penting diadakan di Makkah. Tujuan persidangan tersebut adalah untuk membincangkan persoalan yang berkaitan dengan sistem khilafah dan

melantik pemimpin yang layak untuk memegang jawatan ini. Abd al-Aziz b. Saud sebagai tuan rumah persidangan meminta penyertaan dibuat secara menyeluruh dan tidak terhad kepada para pemimpin Arab sahaja (al-Shawabikhah 1989: 344). Oleh yang demikian, persidangan ini diwakili oleh Sulaiman al-Nadwi, iaitu wakil gerakan khilafah di India, Sayyid Amin al-Husaini, iaitu Mufti Besar Palestin serta wakil-wakil negara Islam lain seperti Syria, Hijaz, Yaman dan Alam Melayu, iaitu Jawa. Namun begitu, persidangan ini tidak berjaya kerana tiada kata sepakat oleh para pemimpin umat Islam dalam melantik khalifah, bahkan kedudukan Ibn Saud semakin kuat di Hijaz (Hosein 1997: 545).

Rashid Rida berpendapat bahawa pengaruh Ibn Saud sangat penting kerana beliau mampu mengekalkan pengaruh Arab di bawah pemerintahan Islam. Ini kerana Ibn Saud dan pengikutnya berjaya membebaskan Hijaz daripada pengaruh British serta keluarga sharif. Tambahan pula, keluarga Sharif bukan hanya memperkenalkan kuasa asing dalam agama tetapi juga terlibat dalam membuat pembaharuan dalam politik bersandarkan kepada gerakan Salafi. Selain itu, Ibn Saud memiliki ketenteraan yang kuat dan mampu melindungi Makkah daripada penjajahan Barat, malah beliau juga mampu membawa kestabilan serta keselamatan kepada Hijaz untuk tujuan haji. Walau bagaimanapun, Rashid Rida menjelaskan bahawa Ibn Saud adalah seorang khalifah adalah tidak wajar. Hal ini kerana beliau bukan berbangsa Quraisy. Namun begitu, beliau mempunyai kemampuan untuk membawa kestabilan dan keselamatan Makkah daripada penjajahan Barat. Di samping itu, Ibn Saud menentang polisi yang diperkenalkan oleh British dan berusaha untuk membebaskan orang Islam daripada menjadi hamba abdi kepada British (Willis 2010: 721-722).

7 Penutup

Kesimpulannya, perjuangan Rashid Rida dalam gagasan Pan-Islamisme dan institusi khilafah adalah untuk mempertahankan dan membebaskan umat Islam daripada penjajahan Barat. Pan-Islamisme yang diperjuangkan oleh Rashid Rida adalah berdasarkan sistem khilafah. Sistem ini diperkuatkan lagi dengan prinsip persaudaraan Islam yang menghapuskan ikatan perkauman dan menyusun kesatuan seluruh umat Islam memandangkan umat Islam bersatu di bawah sistem moral, pendidikan dan undang-undang yang sama. Pada mulanya, beliau menyokong polisi yang diperkenalkan oleh Sultan Abdul Hamid. Namun, pendirian beliau berubah selepas Sultan Abdul Hamid disingkirkan oleh Turki Muda.

Kefahaman yang mendalam tentang ajaran al-Quran dan pengalaman yang luas dalam bidang politik menyerlahkan lagi ketokohan Rashid Rida sebagai seorang reformis Islam yang terkenal. Bukan itu sahaja, ketokohan dan pengaruh pemikiran beliau tersebar luas ke seluruh dunia Islam serta meninggalkan kesan yang besar dalam pelbagai bidang, khususnya bidang politik. Ketokohan Rashid Rida terbukti dengan penghasilan karya beliau yang bertajuk *Tafsir al-Manar* yang berlandaskan al-Quran. Karya beliau telah memberikan impak yang besar kepada perkembangan intelektual dalam kalangan ulama tempatan, khususnya Kaum Muda. Bahkan, ia juga merupakan pengiktirafan yang jelas terhadap kelebihan Rashid Rida yang berjaya menyebar dakwah Islam di luar negara Mesir menerusi pentafsiran al-Quran dan fatwa yang dimuatkan dalam *Tafsir al-Manar* yang diterbitkan secara konsisten.

Perjuangan Rashid Rida dalam usaha mengembalikan sistem khilafah adalah berdasarkan kepada pemikirannya melalui gagasan Pan-Islamisme dan institusi khilafah. Di samping itu, usaha beliau tidak mendapat sambutan yang hebat daripada umat Islam. Hal ini kerana, perjuangan dan

pemikiran beliau yang sentiasa berubah-ubah. Namun begitu, penulis mendapati perjuangan dan pemikiran Rashid Rida berubah-ubah adalah kerana beliau inginkan pembaharuan dalam bidang ekonomi, politik dan sosial berlandaskan syariat Islam. Usaha beliau ini menimbulkan kesedaran kepada umat Islam mempertahankan dan membebaskan diri daripada penjajahan Barat.

Rujukan

- Adam, C. 1968. *Islam and Modernism in Egypt*. New York: Russel.
- Ahmad Zaki Hj. Abdul Latif. 2006. *Transformasi Gerakan Islah dan Dakwah di Timur Tengah dan di Malaysia*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Badawi, M. A. Zaki. 1976. *Reformers of Egypt*. London: Croom Helm.
- Davison, R.H. 1968. *Turkey*. New Jersey: Prentice Hall.
- Edwin Pears. 1973. *Life of Abdul Hamid*. New York: Arno Press.
- Eeman Mohamed Abbas & Ummu Hani Hashim. 2009. *Sultan Abdul Hamid II dan Usaha Memulihkan Sistem Khilafah Islamiyah*. Dlm Daulah Uthmaniyyah dan Alam Melayu Detik Kejatuhan Khilafah Islamiyah di Turki 1924 dan Reaksi Orang Melayu. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Eeman Mohamed Abbas. 2002. *Sultan Abd al-Hamid II dan Kejatuhan Khilafah Islamiah (Peranan dan Gerakan Nasionalis & Golongan Minoriti)*, Kajian Sejarah dan pemikiran dari Tahun (1876-1909M/1293-1327H). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn.Bhd.
- Ermy Azziaty Rozali. 2010. Turki Uthmaniyyah: Persepsi dan Pengaruh dalam Masyarakat Melayu, 1876-1924. Tesis Doktor Falsafah. Jabatan Sejarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya.
- Farid Mat Zain. 2009. *Muhammad Rashid Rida (1865-1935) dan Usaha Menghidupkan Semula Sistem Khilafah Islamiyah* dalam Daulah Uthmaniyyah dan Alam Melayu Detik Kejatuhan Khilafah Islamiyah di Turki 1924 dan Reaksi Orang Melayu. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Al- Hasri, Sathi'. 1956. *Muhadharat fi Nusyu al-Qaumiah al-Arabiah*. Beirut: Dar al-Ilm li al-Malayin.
- Hosein Imran N. 1977. The Caliphate: *The Hijaz and the Saudi Wahhabi Nation State*. Kuala Lumpur: Umma Vision.
- Husaini, Ishak Musa. 1956. *The Moslem Brethren: The Greatest of Modern Islamic Movement*. Beirut: Khayat College Book Cooperative.
- Ibn Khaldun. 2002. *Mukadimah Ibn Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ibrahim Bek Halim. 1988. *Tarikh al-Dawlah al-Uthmaniyyah al-Aliyyah al-Ma'ruf bi al-Tuhfah al-Halimiyyah fi Tarikh al-Dawlah al-Uthmaniyyah*. Beirut: Mu'assasat al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- al-Khalidi, Mahmud. 1984. *Ma'alim al-Khilafah fi al-Fikr al-Siyasi al-Islami*. Beirut: Dar al-Jil.
- Kinross. L. 1965. *Ataturk the Rebirth of a Nation*. London: Weidenfeld & Nicholson.
- Al-Mawdudi. Abu I-'Ala. 1977. *The Islamic Law and Constitution*. Lahore: Islamic Publication Ltd.
- Muhammad Rashid Rida. 1988. *Majmu'ah al-Hadith wa Tasyamalu Tis'a Rasa'il Hammah*. Kaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Muhammad Rashid Rida. 1931. *Tarikh al-Ustadh al-Imam al-Shaykh Muhammad Abdurrahman*. Kaherah: Matba'at al-Manar.
- Muhammad Makhzum. 1986. *Azmat al-Fikr wa Muskilat al-Sultan al-Siyasiyyah fi al-Mashriq al-Arabiyy fi Asr al-Nahdah*. Beirut: Ma'had al-Inma' al-Arabiyy.
- Mustaffa Abdullah. 2009. *Rasyid Rida Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mustaffa Abdullah. 2004. Biografi Sayyid Muhammad Rasyid Rida. *Journal of al-Quran & al-Hadith*. Vol. 2
- Nadav, S. 1961. *Egypt in Search of Political Community: An Analysis of the Intellectual and Political Evolution of Egypt, 1804-1952*. Cambridge: Harvard University Press.
- Rida, al-Sheikh Muhammad Rashid. 1998. *al-Khilafah*. Kaherah: al-Zahra' li al-A'lam al-'Arabi.
- Shahin, E. 1994. *M. Rashid Rida and the West*. Virginia, USA: International Institut of Islamic Thought.
- al-Shawabikah, Ahmad Fahd Barakat. 1989. *Muhammad Rashid Rida wa dawruhu fi al-Hayah al-Fikriyyah wa al-Siyasah*. Amman: Dar Ammar li al-Nasir wa al-Tawzic.
- al-Shawabikah, Ahmad Fahd. 1989. *Al-Harakah al-Jamiah al-Islamiyyah*. Amman: Dar Ammar.
- Tauber, E. 1998. *The Political Life of Rashid Rida*. dalam K Devenyi (edit) Proceeding of the Arabic & Islamic Section of the 35th International Congress of Asian and North African Studies (ICANAS). Budapest, Hungary.
- Willis. J. 2010. *Debating the Caliphate: Islam and Nation in the Work of Rashid Rida and Abul Kalam Azad*. London: Routledge

About the Author

Siti Nurul Izza Hashim is Ph.D student at the Department of Arabic and Islamic Civilisation Studies, Islamic Faculty, University Kebangsaan Malaysia. She can be contacted at applemerah8807@gmail.com.

Ermy Azziaty Rozali (Ph.D), is a senior lecturer at the Department of Arabic and Islamic Civilization, Faculty of Islami Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, and a research fellow at the Institute of West Asian Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. She can be contacted by email at ermy@ukm.my.